

Lawatan Penanda Aras Pegawai Pendidikan Khas Jabatan Pendidikan Negeri Sabah



Labuan, 26 FEBRUARI- Secara umumnya, Sekolah Kebangsaan Pekan Satu, Wilayah Persekutuan Labuan, sekali lagi mencatat tarikh bersejarah rentetan Lawatan Penanda Aras Pegawai Pendidikan Khas Jabatan Pendidikan Negeri Sabah di SKPS. Tidak dinafikan bahawa matlamat dan tujuan utama kunjungan penandaarasan ini dilaksanakan adalah untuk membuat penanda arasan kelas-kelas PPKI yg ada di Wilayah Persekutuan Labuan dari segi infrastruktur bangunan, keluasan kelas serta keselesaan aktiviti PdP PPKI dijalankan.

Ketua Penolong Pengarah Sektor Pendidikan Khas Negeri Sabah merangkap ketua rombongan Puan Dr Nor Jannah Binti Hassan melahirkan keterujaan apabila melihat kemeriahan yang disediakan oleh SKPS bagi menyambut 41 orang pegawai dari rombongan ini. Turut hadir memeriahkan majlis ialah Penolong Pengarah Sektor Pendidikan Khas JPWPL Puan

Basneh binti Jamilide, Guru Besar SKPS Puan Anita Shyamini A/P S. Azman, PK HEM SKPS Puan Normah Binti Rahimi, PK Kokurikulum SKPS Encik Esmat bin Amat, PK PPKI SKPS Encik Mohd Faisal bin Haji Moin, dan 20 orang guru PPKI.



Murid-murid menyajikan tarian kebudayaan kepada pelawat Secara keseluruhannya, program ini bermula pada jam 8:00 pagi di Bilik Penataran SKPS menerusi kata alu-aluan daripada Puan Anita. Beliau mengalu-alukan kedatangan rombongan Pegawai Pendidikan Khas Jabatan Pendidikan Negeri Sabah. "Program ini memberi impak yang positif serta pemangkin semangat khususnya kepada guru-guru dan murid-murid PPKI dalam menambahbaik lagi proses PdP khususnya" tambah beliau lagi.

Para rombongan berkesempatan mengunjungi The Re-Born Of SKPS Art Gallery dan dapat menghayati kepentingan apresiasi seni dalam matlamat meningkatkan lagi keunggulan sekolah di seluruh negara. Seterusnya bergerak ke kelas-kelas PPKI bagi menjalankan objektif utama iaitu penanda arasan kelas-kelas PPKI di seluruh Wilayah

Persekutuan Labuan.



Rombongan pegawai-pegawai dari Sabah berkesempatan berforografi di The Re-Born Of SKPS Art Gallery. Penyelaras program, Puan Rosellah binti Janani melahirkan rasa kesyukuran dan terima kasih kepada semua pihak terutama kepada guru-guru yang mengawal keadaan murid bagi melancarkan program ini. Tambahnya lagi, berharap agar mesej yang disampaikan semasa program Lawatan Penanda Aras ini dapat dihayati oleh guru-guru dan murid-murid PPKI sepenuhnya.



Dari kanan Puan Anita tekun memerhatikan para pelawat membimbing murid-murid PPKI menjalani PdP